

PENGAJARAN ELEMEN PENDIDIKAN SEKS DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Siti Suhaila Ihwani

sitisuhaila@utm.my

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Adibah Muhtar

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Norhafizah Musa

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Adibah Abdul Latif

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Zetty Nurzuliana Rashed

Kolej Universiti Islam Antarabangsa

ABSTRAK

Pelaksanaan pendidikan seks banyak bergantung kepada kesedian guru untuk mengajar isi pelajaran yang mengandungi elemen pendidikan seks. Di Malaysia, pendidikan seks diajar di dalam pelbagai mata pelajaran iaitu Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Sains, Sain Tambahan dan Biologi. Elemen pendidikan seks banyak terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Guru Pendidikan Islam bertanggungjawab untuk memberi pemahaman yang jelas kepada pelajar berkaitan konsep pendidikan seks Islam. Guru Pendidikan Islam seharusnya tahu bagaimana untuk menyampaikan pendidikan seks yang mempunyai nilai-nilai Islam. Ajaran agama Islam yang jelas dan sempurna mampu melindungi pelajar daripada terjebak dengan perkara-perkara yang merosakkan diri mereka dari segi spiritual, emosional, dan intelektual. Guru Pendidikan Islam haruslah memastikan bahawa proses pengajaran yang efektif mampu memberi kesan kepada pelajar terutamanya sebagai benteng pertahanan diri mereka. Perkara yang paling utama ialah mereka mampu untuk menghubungkan ajaran Islam dari sudut teori dan praktikal. Kesediaan guru Pendidikan Islam dalam mengajar elemen pendidikan seks perlu diberi perhatian. Adakah mereka bersedia untuk mengajar pendidikan seks dari sudut pandangan Islam? Ini adalah untuk melahirkan pelajar yang menghormati agama mereka, diri mereka dan harta mereka bersesuaian dengan objektif penciptaan manusia. Kertas kerja ini membincangkan pengajaran elemen pendidikan seks berdasarkan kesediaan guru Pendidikan Islam. Selain daripada itu, kertas kerja ini juga turut membincangkan konsep pendidikan seks Islam dan Barat.

Kata Kunci: *Elemen pendidikan seks, Guru Pendidikan Islam, Pengajaran, Kesediaan*

Pendahuluan

Kontroversi berkaitan dengan pengajaran seksualiti masih menjadi isu yang belum dapat diselesaikan. Kebanyakan orang berpendapat bahawa isu seks yang

dibincangkan secara tidak langsung dalam kurikulum sekolah wajar dikekalkan (Sanjakdar 2009). Mereka seolah-olah mengelak untuk membincangkan isu seks dengan mengaitkan permasalahan yang berlaku. Pendidikan seks dilihat sebagai satu keperluan yang perlu diutamakan masa kini. Ini adalah antara cabaran yang dihadapi oleh umat Islam keseluruhannya. Pendidikan seks bagaimanakah yang memenuhi ciri-ciri yang dikehendaki oleh syariah Islam. Persoalan inilah yang dihadapi oleh masyarakat Islam samada yang tinggal di negara Barat atau pun negara Islam. Umat Islam perlu sedar bahawa pendidikan seks sedia ada yang digunakan oleh Barat adalah bercirikan sekular dimana nilai moral dan etik tidak lagi diberi keutamaan (D’Odeyn 1996). Melalui perkembangan teknologi yang semakin canggih dari masa ke semasa, dunia dilihat semakin kecil dengan kemudahan capaian maklumat semakin mudah. Remaja hari ini mampu mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan seksualiti dengan mudah melalui televisyen, radio dan internet. Tetapi panduan perlu diberi kepada mereka agar tidak terjebak ke arah gejala negatif.

Penekanan terhadap keperluan pendidikan seks ini mula timbul apabila meningkatnya statistik berkaitan keruntuhan moral seperti pergaulan bebas, kelahiran anak luar nikah, penagihan dадah, rogol, kecurian, pelacuran dan persetubuhan luar nikah semakin meningkat dari semasa ke semasa. Keinginan untuk mengetahui perkara berkaitan seks dipercayai adalah punca kepada masalah ini. Di negara Barat kebanyakannya keluarga yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah yang melaksanakan ‘pendidikan seks’ seperti di England, Amerika Syarikat dan Australia bertindak mengeluarkan anak-anak mereka daripada menghadiri program ‘pendidikan seks’ di sekolah (Berne et al 2000; Brinkley 1999). Perkara ini berlaku adalah kerana kebanyakannya program pendidikan seks di sekolah di Barat ditentang oleh ibu bapa dan pelajar Muslim seperti di England, Amerika Syarikat dan Australia (Sanjakdar 2004; Donohoue Clyne 2001; McInerney et al 200; Halstead 1997). Kajian yang dijalankan oleh Halstead dan Reiss (2003) menyokong fakta menyatakan bahawa keluarga Muslim yang tinggal di negara Barat tidak memberikan anak-anak mereka mengikuti program pendidikan seks di sekolah. Mereka berpendapat bahawa anak-anak mereka akan menjadi insan yang lebih baik tanpa pendidikan seks kerana ianya bertentangan dengan ajaran Islam sebenar. Bagi negara-negara Islam, pendidikan seks masih belum dilaksanakan secara meluas seperti di Iran, Arab Saudi, Pakistan, Malaysia dan Indonesia. Elemen pendidikan seks disisipkan dalam mata pelajaran tertentu dan dibincangkan secara ringkas.

Pendidikan Seks Islam

Perbincangan berkaitan pengajaran dan pembelajaran pendidikan seks bukanalah perkara yang ditentang oleh Islam. Di dalam al-quran dan Hadith banyak membicarakan persoalan seks terutamanya yang berkaitan dengan kesihatan seperti sembahyang, puasa, mandi, perkahwinan, perceraian Haji, hubungan sesama manusia dan sebagainya. Pendidikan seks dalam Islam termasuk dalam perkara yang dituntut dalam agama dalam mendidik anak-anak (Ashraf 1998; Noibi 1998; Sarwar 1996). Bagi memastikan masyarakat Muslim menerima pendidikan seks yang disarankan dalam Islam, elemen yang ada dalam pendidikan seks itu hendaklah mempunyai nilai-nilai Islam berpandukan kepada ajaran al-Quran dan Hadith (Halsted 1995). Perkara-perkara yang halal dan haram dalam Islam haruslah ditekankan dalam membentuk insan yang mempunyai akhlak yang murni dan terpuji (Al-Afendi 1980; D’Oyen 1996).

Abdullah Nasih Ulwan (1989) menyatakan bahawa pendidikan seks harus diajar kepada anak-anak dengan jelas dan terperinci apabila anak-anak telah berakal. Beliau mendefinisikan pendidikan seks sebagai:

“Mengajar, menjelaskan dan memberi peringatan kepada remaja tentang isu yang berkaitan dengan seks, naluri, nafsu (syahwat) dan hubungannya dengan perkahwinan... sehingga mereka membesar dalam keadaan memahami erti kehidupan. Remaja mengetahui apa yang dibenarkan dan apa yang ditegah dan mereka menjadikan sikap dan tingkah laku Islam sebagai praktik dalam kehidupan.”

Pendidikan seks ini harus diajar mengikut tahap umur kerana tahap perkembangan umur kanak-kanak berbeza-beza. Sebagai contoh, pada usia 7-10 tahun, anak-anak perlu diajar tentang adab meminta izin dan adab-adab penglihatan. Pada peringkat umur 10-14 tahun, anak-anak perlu diajar cara menjauhkan diri daripada nafsu berahi. Adab-adab perhubungan seks boleh didedahkan ketika umur 14-16 tahun. Apabila mencapai umur baligh atau dewasa mereka perlu diajar cara-cara untuk menjaga kehormatan diri (Abdullah Nasih Ulwan, 1985).

Al-Tawil (1992) menghuraikan pendidikan seks sebagai satu proses bertujuan untuk;

“Mengajar, memberi peringatan dan berterus terang kepada kanak-kanak (remaja) semenjak baligh lagi dengan isu yang berkaitan dengan seksualiti, naluri dan perkahwinan. Apabila mereka meningkat dewasa, mereka akan memahami perkara yang berkaitan dengan kehidupan dan mengetahui apa yang halal dan apa yang haram. Cara hidup Islam akan menjadi akhlak mereka maka mereka akan menjauhi segala perbuatan keji.”

Kanak-kanak harus diberi pendedahan dengan perkara berkaitan seks di peringkat awal agar ia dapat membantu memberi kefahaman yang jelas kepada mereka dalam menjalani kehidupan sebagai seorang muslim. Ia juga dapat menjadi benteng hidup mereka dalam membezakan perkara yang halal dan haram di sisi agama (Al-Tawil, 1992).

Muhamad Zahiri dan Rahimi (2005) mentakrifkan pendidikan seks sebagai satu proses mendidik yang bersifat maklumat (cognitive), pemahaman dalaman (internal spiritual/morality/consciousness) dan juga jasmani (physical) kepada golongan sasaran tertentu seperti pelajar dan juga orang awam tentang amalan kehidupan yang berkaitan dengan hubungan antara jantina. Rokiah (2007) menyatakan bahawa pendidikan seks merupakan satu proses memberi maklumat, pemahaman, pengajaran kepada golongan tertentu tentang perkara-perkara berkaitan dengan hubungan antara dua jantina. Amir Hasan Dawi (2009) menyatakan bahawa perkataan seks, seksual dan seksualiti mempunyai hubungkait dan sering digunakan silih berganti antara satu sama lain. Seks menurut beliau adalah perkara yang berkaitan dengan aspek biologi, sosiologi dan psikologi yang menunjukkan perbezaan fizikal antara lelaki dan wanita. Beliau menyatakan bahawa seks selalu dikaitkan dengan hubungan seks (persetubuhan), perasaan, keinginan dan tingkah laku seksual manusia yang lain. Ab. Aziz Mohd Zain dan Yusmini (2010) berpendapat bahawa pendidikan seks perlu diintegrasikan dengan pendidikan akidah, akhlak dan ibadah. Individu yang berakhhlak mulia secara tidak langsung mengamalkan perilaku seksual yang sihat dan tidak menyimpang daripada ajaran agama. Didikan agama yang kuat dan teguh mampu mengekang diri daripada melakukan perkara salahlaku seksual.

Berdasarkan kepada definisi yang telah dinyatakan, dapat dirumuskan bahawa pendidikan seks merupakan satu proses mendidik dan memberi pengetahuan tentang aspek-aspek berkaitan dengan seksual antara lelaki dan perempuan yang perlu

didasarkan kepada konsep keimanan dan kepercayaan kepada Allah SWT yang menciptakan manusia dan lebih mengetahui tentang diri manusia itu sendiri. Selain itu, pendidikan seks adalah untuk mendidik nafsu syahwat yang sesuai dengan ajaran Islam supaya ia menjadi nafsu yang dirahmati Allah SWT, nafsu yang memberi ketenangan dan kebahagiaan dalam kehidupan dan supaya manusia menjauhi perbuatan zina yang amat dimurkai Allah SWT.

Pelaksanaan pendidikan seks dalam Islam merangkumi kepada beberapa peringkat. Ini berdasarkan kepada pandangan Abdullah Nasih Ulwan (1985). Perbezaan tahap umur amat berkaitan dengan tahap penerimaan anak-anak terhadap pengajaran yang disampaikan (Abdullah Nasih Ulwan 1985, Mastura 2002, Yusof Madani 2003, Rokiah 2007 dan Amir Hasan Dawi 2009,). Kebanyakkan sarjana bersetuju dengan pendapat Abdullah Nasih Ulwan yang menggariskan bahawa pendidikan seks kepada anak-anak mestilah melalui tiga tahap iaitu:

a. Tahap Tamyiz (Mumayyiz) (usia 7-10 tahun)

Pada tahap ini, anak-anak diajar mengenali identiti dan nilai diri yang berkait rapat dengan organ biologi dan perbezaan antara lelaki dan perempuan. Konsep bersuci juga diajar iaitu amalan sebelum dan selepas membuang air besar dan kecil. Apabila anak-anak mencapai umur 7-10 tahun, pemisahan tempat tidur antara anak lelaki dan perempuan perlu dilakukan bagi mengelak berlakunya sumbang mahram. Anak-anak perlu diajar cara meminta izin untuk masuk ke bilik ibu bapa. Adab-adab memelihara pandangan turut diajar.

b. Tahap Murahaqah (usia 10-14 tahun)

Pada tahap ini, anak-anak diberi pendedahan mengenai fungsi biologi secara ilmiah. Perkara berkaitan penutupan aurat lelaki dan perempuan, akhlak pergaulan lelaki dan perempuan dan menjaga kesopanan dan maruah diri diterangkan dengan terperinci. Turut diajar kaifiat mandi wajib dan persetubuhan. Perbincangan yang boleh menimbulkan nafsu berahi seks harus dielakkan.

c. Tahap Baligh (usia 14-16 tahun)

Pada usia ini, anak-anak diajar mengenai maksud baligh. Ibu bapa harus menerangkan bahaya zina. Seks sebelum kahwin tidak diterima dalam ajaran Islam. Penerangan mesti menyentuh keburukan zina dari segi agama, kesihatan, psikologi dan tekanan emosi.

Berdasarkan kepada ketiga-tiga tahap ini, anak-anak harus diberi pendedahan berkaitan seks mengikut umur mereka. Sekiranya tidak didik dan diawasi dengan baik pada setiap tahap, ia mungkin menyebabkan mereka terjebak ke dalam gejala salah laku seks. Oleh itu, semua pihak dalam masyarakat memainkan peranan penting dalam memberi didikan seks yang bersesuaian dengan ajaran Islam samada ibu bapa, guru dan masyarakat sekeliling.

Pendidikan Seks Barat

Terdapat beberapa definisi yang dibuat oleh institusi Barat berkaitan pendidikan seks. The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO,

2008) mendefinisikan reproduksi dan pendidikan seksual kesihatan sebagai satu pengalaman pendidikan yang bertujuan untuk membangunkan kapasiti remaja bagi memahami perkara berkaitan dengan seksualiti dalam konteks biologi, psikologi, sosiobudaya dan reproduktif. Pendidikan seks juga bertujuan untuk mempelajari kemahiran dalam membuat keputusan dan tindakan yang bertanggungjawab berkaitan dengan tindak tanduk seksualiti dan kesihatan reproduktif. Department for Education and Employment (2000) yang berpusat di England mendefinisikan pendidikan hubungan seks sebagai satu pendidikan yang berterusan berkaitan perkembangan fizikal, moral dan emosi. Ia juga berkaitan dengan pemahaman kepentingan perkahwinan untuk kehidupan berkeluarga, hubungan kasih saying, kestabilan dan kesihatan seksualiti. Sex Information and Education Council of the United States (SIECUS, 1999) sebuah organisasi kerajaan di Amerika mentakrifkan pendidikan seks sebagai satu proses pencarian maklumat yang berterusan dalam membentuk sikap, kepercayaan dan nilai yang berkaitan identiti, perhubungan dan hubungan kelamin. Ia mengandungi perkembangan seksual, kesihatan reproduktif, hubungan antara individu, penyakit, hubungan kelamin, imej, tubuh badan dan peranan gender.

Berdasarkan kepada ketiga-tiga definisi pendidikan seks Barat ini, dapat disimpulkan bahawa fokus utama pendidikan seks dilaksanakan adalah penekanan terhadap aspek intelek, fisiologi, emosi dan hubungan sosial. Mereka berpegang kepada prinsip untuk mengelakkan remaja daripada jahil mengenai pertumbuhan fizikal dan seksualiti.

Perbezaan Pendidikan Seks Islam Dengan Pendidikan Seks Barat

Berbeza dengan pendidikan seks yang diamalkan di Barat di mana hubungan seks luar nikah dibenarkan. Kempen seks selamat amat ditekankan di Barat bagi mengelakkan diri mereka menghadapi penyakit berjangkit akibat seks rambang. Institusi perkahwinan tidak lagi dipandang sebagai institusi yang penting dalam masyarakat (Ashraf 1998). Antara perbezaan yang jelas antara pendidikan seks Islam dengan Barat adalah seperti berikut:

1. Pendidikan Seks Islam berlandaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah (Abdullah Nasih 1989, Noibi 1998). Segala panduan dan ajaran berkaitan ilmu seks telah dinyatakan di dalam al-Quran dan al-Sunnah yang mengutamakan nilai-nilai murni. Berbeza dengan Pendidikan Seks Barat, panduan dan ajaran hanya berdasarkan kepada logik akal dan nafsu semata-mata. Mereka mengolah dan menggubal silibus Pendidikan Seks menurut pandangan yang dirasakan betul dan sesuai dijadikan cara hidup mereka. Sistem nilai diketepikan langsung.
2. Pendidikan Seks Islam bersifat menyeluruh iaitu syumul bagi melahirkan insan yang seimbang dari segi segi intelek, jasmani dan emosi. Keseimbangan yang ada mampu melahirkan insan yang seimbang bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Manakala Pendidikan Seks Barat hanya mementingkan keseronokan fizikal. Tiada roh dalam pendidikan ini (Ashraf 1998).

3. Pendidikan Seks Islam mengutamakan perkahwinan sebagai jalan penyelesaian untuk memenuhi naluri seks (al-Qardawi 1995). Perkahwinan adalah perkara yang dituntut dalam Islam. Pendidikan Seks Barat tidak mengutamakan perkahwinan. Hubungan seks luar nikah menjadi amalan (Ashraf 1998, Noibi 1998, Mabud 1998).
4. Pendidikan Seks Islam mendidik individu agar menjauhi zina dengan menyatakan hukuman dan akibat berzina. Pengharaman zina jelas dinyatakan di dalam al-Quran (al-Isra: 32) Dalam Pendidikan Seks Barat tiada istilah zina. Mereka menggalakkan hubungan seks selamat dengan mengamalkan pencegahan bagi mengelakkan kehamilan (Ashraf 1998).

Kesimpulannya, pendidikan seks Islam mampu melahirkan insan yang seimbang dari sudut jasmani, intelek dan emosi yang dizahirkan dengan amalan dalam kehidupan seharian.

Kesediaan Guru

Kesediaan guru adalah perkara paling utama yang perlu diberi perhatian dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini memerlukan penelitian yang mendalam kerana kesediaan guru itu berkait dengan banyak pembolehubah iaitu sikap, personaliti, tahap pengetahuan,tahap kemahiran, motivasi,emosi dan psikologi (Habib 2010, Dunkin dan Biddle 1974, Al-Ghazali 2004) Kesediaan guru juga menentukan kejayaan dan kegagalan sesuatu misi kurikulum kerana guru merupakan tenaga utama dalam menggerakkan kurikulum dengan berhadapan secara langsung dengan murid (Liberman & Miller 1990). Menurut Haslinda (2010) guru yang benar-benar berteraskan konsep mendidik amat diperlukan supaya pelajar dapat menerima pembelajaran mengenai pendidikan seks melalui perspektif yang betul dan positif. Dalam konteks kajian ini, guru pendidikan Islam dilihat memikul tanggungjawab besar untuk menyampaikan ilmu pendidikan seks sebagaimana yang terdapat di dalam sukanan Pendidikan Islam. Persoalannya adakah guru bersedia untuk mengajar pendidikan seks dalam Pendidikan Islam?

Kesediaan guru Pendidikan Islam dalam mengajar elemen pendidikan seks boleh dilihat melalui empat aspek iaitu personaliti, ilmu, kemahiran dan motivasi. Aspek pertama yang menjadi asas kepada kesediaan guru Pendidikan Islam ialah ciri personaliti atau sifat keperibadian (al-Ghazali 2004; Dunkin & Bidle 1974) Guru perlu mempunyai sifat-sifat terpuji sebagai contoh teladan kepada anak didik mereka. Bersesuaian dengan tugas seorang guru yang dipandang mulia di sisi agama Islam, segala tindak tanduk guru sentiasa dilihat oleh pelajar dan menjadi ikutan. Kajian yang dilaksanakan oleh Ab Halim et al. (2004) menunjukkan bahawa kaedah didikan yang paling tinggi dan berkesan dalam pendidikan akhlak Islam adalah melalui kaedah ikutan.

Aspek kedua kepada asas kesediaan guru Pendidikan ialah penguasaan terhadap ilmu. Penguasaan ilmu bagi seorang guru Pendidikan Islam meliputi ilmu pedagogi, ilmu kandungan subjek pengajaran dan ilmu pengukuran dan penilaian (al-Ghazali 2004; Shulman 1987; Azizah Lebai Nordin 1999). Guru pendidikan Islam perlu bersedia dengan ilmu yang cukup terhadap mata pelajaran yang diajar. Ia merupakan perkara yang penting bagi seorang guru dan menunjukkan kecemerlangan dalam

penguasaan ilmu mengikut bidang kepakaran masing-masing (Tajul Ariffin dan Nor Aini 2002).

Aspek ketiga kepada asas kesediaan guru Pendidikan Islam ialah kemahiran (al-Ghazali 2004; Dunkin & Bidle 1974) Guru yang berkemahiran mampu mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan menarik. Kemahiran yang paling utama perlu ada bagi guru Pendidikan Islam ialah kemahiran berkomunikasi. Proses pendidikan yang berkesan memerlukan interaksi yang berkesan antara guru dengan pelajar. Berdasarkan kepada kajian Ab Halim et al. 2004, pendekatan pengajaran berpusatkan guru lebih banyak digunakan dalam P&P daripada berpusatkan pelajar. Kemahiran komunikasi ini perlu dikuasai oleh guru Pendidikan Islam bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif dan menarik. Penggunaan laras bahasa yang betul dan suara yang jelas mampu menarik perhatian pelajar untuk memberi perhatian terhadap perkara yang diajar. Sekiranya pelajar memberikan pendapat, guru hendaklah mendengar dengan penuh minat supaya pelajar rasa lebih dihargai. Selain daripada itu, bahasa tubuh badan dan pandangan mata juga aspek penting dalam komunikasi bukan lisan (Salhah & Ainon 2005) Oleh itu, guru perlu berhati-hati dan peka dalam menggunakan isyarat mata atau tangan supaya tidak disalah ertikan oleh pelajar.

Kemahiran penggunaan komputer amat dituntut dewasa ini. Guru yang mempunyai kemahiran dalam bidang ini sangat disukai oleh pelajar. Perubahan dan perkembangan teknologi yang berlaku menyebabkan pelajar sendiri menguasai kemahiran ini. Oleh itu, sebagai seorang guru Pendidikan Islam kemahiran ini amat diperlukan supaya guru tidak dilabel sebagai guru yang ketinggalan zaman dan buta IT (*Information Technology*).

Aspek keempat asas kepada kesediaan guru ialah motivasi (al-Ghazali t.th.) Guru yang bermotivasi tinggi akan mencapai kepuasan dalam diri mereka ketika menjalankan tugas sebagai seorang guru. Profesion perguruan merupakan bidang yang dianggap mulia di sisi Islam (at-Taubah: 122; al-Imran: 187; al-Fussilat: 33; An-Nahl: 125). Terdapat lima bentuk motivasi yang mendorong guru untuk memilih profesion perguruan sebagai kerjaya iaitu memenuhi minat dan kepuasan diri, menyumbang kepada kemajuan pelajar, profesion yang mulia, boleh meningkatkan diri atau kerjaya yang mencabar dan kerjaya yang stabil (Zaidatol & Habibah 2003). Guru pendidikan Islam yang bermotivasi akan melaksanakan tugasnya sebagai pendidik dengan ikhlas semata-mata untuk mengharapkan keredhaan Allah S.W.T. Sebaliknya, guru yang kurang bermotivasi tidak akan menunaikan tanggungjawab yang dipikul dengan bersungguh-sungguh dan melakukannya dengan sambil lewa.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, guru Pendidikan Islam memikul tanggungjawab besar bagi memberi pemahaman pendidikan seks dari perspektif Islam. Walaupun terdapat pelbagai mata pelajaran yang mengajar topik berkaitan pendidikan seks di sekolah, mata pelajaran Pendidikan Islam dilihat lebih bersifat menyeluruh dan merujuk kepada kepada ajaran Islam seperti yang terkandung di dalam al-Quran dan as-Sunnah. Oleh itu, guru Pendidikan Islam bersedia untuk melengkapkan diri dalam memberi pemahaman berkaitan seksualiti yang berlandaskan kepada pegangan tersebut.

Rujukan

- Ab. Aziz Mohd Zain & Yusmini Md. Yusoff. 2010. *Pendidikan Seks dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaludin dan Zamri Abdul Rahim. 2004. *Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar*. Laporan Penyelidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abdullah Nasih Ulwan. 1989. *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*. Terjemahan Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.
- Abdullah Nasih Ulwan. 2009. *Tanggungjawab Pendidikan Seks Menurut Islam*. Terjemahan Ahmad Hassan & Mohd Nizam. Kuala Lumpur: Yamani Angle Sdn. Bhd.
- Al-Afendi, M.H. 1980. Towards Islamic curricula. In *Curriculum and teacher education*, ed. M.H. al-Afendi and N.A. Baloch, 20-40. Jeddah: King Abdulaziz University, Hodder and Stoughton.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 2004. *Ihya' Ulum al-Din*. Jil. 1-5. Misr: al- Maktabah al-Taufiqiyah.
- Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan. 2005. Shah Alam: Yayasan Restu.
- Al-Tawil, Othman. 1992. *Al-Tarbiyyah al-Jinsiyyah fi al-Islam li al- Fityan*. Amman: Dar al-Furqan.
- Ashraf, S.A. 1998. *The Concept of Sex in Islam and Sex Education*. In Ed. M.J. Reiss. & S.A. Mabud. UK: The Islamic Academy.
- Azizah Lebai Nordin. 1999. Guru Pendidikan Islam berkesan. *Jurnal Masalah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Jil 22, 173-183.
- Berne, L.A., Patton, W. and Milton, J. 2000. Australian parents' perception of sexuality education and communication. *Journal of Sex Education and Therapy* 25, nos. 2/3: 161-8.
- Brinkley, E.H. 1999. Caught off guard: Teachers rethinking censorship and controversy. Boston: Allyn and Bacon.
- D'Odeyn, F.M. 1996. The miracle of life: a guide on Islamic family life and sex education for young people. Leicester: Islamic Foundation.
- Department for Education and Employment. 2000. *Sex and Relationship Guidance*. Nottingham: DfEE Publications.
- Donohoue Clyne, I. 2001. Educating Muslim children in Australia. In *Muslim communities in Australia*, ed. A. Saeed and S. Akbarsaadeh. Sydney: University of NSW Press.
- Dunkin, M.J. & Biddle, B.J. 1974. *The study of teaching*. New York: Holt, Renehart, and Winston.
- Habib Mat Som. 2010. Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam: Ke Arah Pembentukan Generasi Ulul Albab. *Kertas kerja International Conference on Islamic Education*. Anjuran Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Halstead, J.M. & Reiss, M.J. 2003. *Values in sex education: From principles to practice*. London: RoutledgeFalmer.

- Halstead, J.M. 1995. Towards a unified view of Islamic education. *Islam and Christianity Relations* 6, (1), 25-41.
- Halstead, J.M. and Lewicka, K. 1998. Should homosexuality be taught an acceptable alternative lifestyle? A Muslim perspective. *Cambridge Journal of Education* 28, no.1: 49-64.
- Haslinda. 2010. *Hala tuju Pendidikan Seks perlu jelas*. <http://www.abim.com.my>. (6 April 2010).
- Lberman, A., & Miller, L. 1990. Teacher development in professional practice. *Teacher College Record*, 92 (1), 105-122.
- Mabud, S.A. 1998. *An Islamic View of Sex Education*. In Ed. M.J. Reiss. & S.A. Mabud. UK: The Islamic Academy.
- Mastura Badzis. 2002. Child Education: What Should be Optimal. *Jurnal Pendidikan Islam*. Vol. 12, No. 1. Kuala Lumpur: ABIM.
- McInerney, D.M., Davidson, N. and Suliman R. 2000. Personal development, health and physical education in context: Muslim and Catholic perspectives. *Australian Journal of Education* 44, no. 1: 26-42.
- Mohamad Zaki Husin. 2010. *Pendidikan Seks Dikatakan Mencarut*. Al-Islam, Mei 2010.
- Muhamad Zahiri & Rahimi Md. Saad. 2005. *Kertas Kerja Seminar Seksual Kebangsaan 2005: Konsep Dan Objektif Pendidikan Seks Menurut Perspektif Al-Quran*. Anjuran Pusat Pembangunan Keluarga Universiti Malaya.
- Muhamad Zahiri Awang Mat. 2007. *Kepentingan Pendidikan Seksualiti Dalam Pembangunan Insan Seimbang*. Putrajaya: Yayasan Islam Hadari.
- Noibi, D. 1998. *The Islamic Concept of Sex, Sexuality and Sex Education: A Theological Perspective*. In Ed. Michael, J. R. & Shaikh Abdul Mabud. UK: The Islamic Academy.
- Rokiah Ahmad. 2007. *Pendidikan Seks Mengikut Perspektif Islam*. JAKIM.
- Salhah Abdullah & Ainon Mohd. 2006. *Guru sebagai mentor*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Sanjadkar, F. 2004. Developing an appropriate sexual health education curriculum framework for Muslim students. In *Confronting Islamophobia in educational practice*, ed. B.van Driel. Stoke on Trent: Trentham Books.
- Sanjakdar, F. 2009. 'Teacher talk': the problems, perspectives and possibilities of developing a comprehensive sexual health education curriculum for Australian Muslim students. *Sex Education*, Vol 9 (3), 261-275.
- Sarwar, G. 1996. *Sex education: The Muslim perspective*. The Muslim Education Trust.
- Shulman, L.S. 1987. Knowledge and teaching: Foundation of the new reform. *Harvard Educational Review*, 15(2): 4-14.
- SIECUS Report. 1999. Sexuality Education in the School: Issues and Answer. 27 (6). pp. 29-33.
- Tajul Arifin Noordin & Nor Aini Dan. 2002. *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. Bangi: As-Syabab Media.
- UNESCO. 2008. [\(6 November 2008\)](http://www.unescobkk.org/ips/arh-web/education2.htm).
- Yusuf Madani. 2003. *Pendidikan Seks Untuk Anak Dalam Islam*. Indonesia: Pustaka Zahra.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elia. 2003. Motivasi kendiri guru terhadap profesi perguruan. *Jurnal Psikologi Pendidikan* 17:1-12.